

Puasa Enam Syawal, Perbahasan Hadis Dan Fekah¹

Dr. Muhammad Musleh Azza'biy² Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan³

Mukaddimah:

Perbahasan hukum Syara' tentang puasa 6 Syawal saban tahun dipersoalkan oleh orang awam kerana terdapat khilaf dari sudut Hadis dan perbahasan ulama Mazhab. Oleh itu, artikel yang ditulis oleh Dr Muhammad Musleh Azza'biy merupakan artikel yang terperinci bagi merungkai masalah ini dari kedua-dua sudut Hadis dan Fekah. Ini kerana Hadis Riwayat Imam Muslim melalui Sa'ad bin Saied terdapat beberapa komentar daripada ahli Hadis berkaitan status Sa'ad. Begitu juga dari sudut fekah pandangan Imam Malik yang dilihat bercanggah dengan Hadis Sahih dan meletakkan hukum puasa 6 Syawal sebagai Makruh membuatkan ramai yang keliru tentang hukumnya. Oleh itu, artikel bahasa Arab ini diterjemahkan dan diringkaskan bagi memudahkan para pembaca oleh Dr Muhammad Ikram. Dalam Ringkasan ini tidak dinyatakan sumber-sumber seperti dalam teks arab, kerana memadai orang awam melihat kepada pandangan ulama yang dinyatakan. Bagi para ulama perlulah kembali kepada artikel asal jika ingin melihat sumber-sumber yang diambil darinya pandangan-pandangan tersebut di link yang akan saya sertakan di nota kaki . Semoga bermanfaat usaha yang dilakukan ini dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

¹ Artikel asal yang diterjemahkan ke Bahasa Malaysia: صيام ست من شوال، دراسة حديثة فقهية

² University Ali Bayt, Jordan, zoubim2005@yahoo.com

³ USIM, Malaysia, email: ikram@alhikmah.my / jilullah1988@gmail.com

Perbahasan Pertama: Perbahasan Hadis:
Bahagian pertama: Hadis-Hadis dan Statusnya:
- Terdapat 6 hadis tentang kelebihan puasa 6 syawal.

Perincian 1: Hadis Pertama:

حديث أبي أيوب الأنصاري رضي الله عنه: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ)

Ertinya: Daripada Abu Ayyub al-Ansari RA: bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda: Barangsiapa yang puasa dalam bulan Ramadan dan diikuti 6 hari pada bulan Syawal seperti telah puasa setahun.

Status Hadis

Hadis yang diriwayatkan oleh **Abu Ayyub Al-Ansari RA** (Perawi a'la الراوي الأعلى) diriwayatkan dengan 4 perawi Tabi' Tabieen. Ikuti Rajah berikut:

Tabaqah	Nama	Status
Sahabat	Abu Ayyub Al-Ansari RA أبو أيوب الأنصاري	Thiqah
Tabien	Umar bin Thabit bin al-Haris al-Khazraji عُمَرُ بْنُ ثَابِتِ بْنِ الْحَارِثِ الْخَزْرَجِيِّ	Thiqah
Tabie' Tabien	Sa'ad bin Saied bin Qais سَعْدُ بْنُ سَعِيدِ بْنِ قَيْسٍ	Terdapat khilaf pada pandangan ulama Hadis mengenain

Puasa Enam Syawal, Perbahasan Hadis Dan Fekah **22**

		ya.
	Yahya bin Saied bin Qais يحيى بن سعيد بن قيس	Thiqah
	Abdu Rabbuh bin Saied bin Qais عبد ربه بن سعيد بن قيس	Thiqah
	Safwan bin Sulaim bersama dengan Sa'ad bin Saied juga صفوان ابن سليم مقرونا بسعد بن سعيد	Thiqah

Keempat-empat riwayat ini telah meriwayatkan daripada Umar bin Thabit bin al-Haris al-Khazraji الحارث بن ثابت بن ثابت بن عمر bin Thabit bin al-Haris al-Khazraji daripada Abu Ayyub al-Ansari RA.

Perincian setiap riwayat Tabien:

#Riwayat pertama: Sa'ad bin Saied bin Qais.

Diriwayatkan oleh para Muhaddisin:

- Imam Muslim
- Abu Nua'aim
- Imam Tarmizi
- Imam Nasaie
- Ibnu Majah
- Imam Ahmad
- Alhumaidi
- Attayalisi الطيالسي
- Abdurrazzaq
- Ibnu Abi Syaibah

Semuanya berbeza-beza riwayat tetapi berkumpul Rijal Hadisnya kepada Sa'ad bin Saied

عَنْ سَعْدِ بْنِ سَعِيدِ بْنِ قَيْسٍ عَنْ عُمَرَ بْنِ ثَابِتِ بْنِ الْحَارِثِ الْخَزْرَجِيِّ عَنْ أَبِي أَيُّوبَ .
الأنصاري رضي الله عنه

Kecuali Humaidi meriwayatkan dengan sanad yang mauquf kepada Abu Ayyub Ansari. Dan juga riwayat Attayalisi dan Abdurrazzaq dengan lafaz السنة berbanding lafaz الدهر.

#Riwayat Kedua: Yahya bin Saied:

- Imam Nasaie
- Al-Humaidi
- Imam attabrani
- Ahmad bin Ma'la Ad-Dimasyqi

#Riwayat ketiga: Abdu Rabbuh bin Saied:

- Imam Annasaie

#Riwayat keempat: Safwan bin Salim bersama-sama dengan sa'ad bin Sai'ed

- Abu Daud
- Annasaie
- Addarimi
- Alhumaidi
- Ibnu Hibban
- Ibnu Khuzaimah

Semua mereka berkumpul di riwayat:

عبد العزيز الدراوردي عَنْ صفوان ابن سليم وسعد بن سعيد عن عُمَرَ بْنِ ثَابِتِ بْنِ
الْحَارِثِ الْخَزْرَجِيِّ عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الأنصاري رضي الله عنه

- Perbahasan Hadis ini dari sudut Sanad:

1. Terdapat dari kalangan ahli Hadis yang mempunyai komentar terhadap Sa'ad bin Saied.

2. Hadis terberhenti kepada Abu Ayyub al-Ansari RA.

- Perbahasan terhadap Hadis ini dari sudut Matan:

1. Perumpaan puasa Ramadan dan 6 syawal dengan puasa sepanjang hidup (mengikut salah satu penegertian bahasa Addahru iaitu sepanjang hidup), padahal puasa sepanjang hidup berterusan hukumnya makruh.
2. Lafaz Hadis : “dan diikuti dengan puasa 6 syawal” ini kerana puasa di awal syawal adalah dilarang mengikut hadis-hadis yang lain.

Jawapan kepada perbahasan dari sudut Sanad:

1. Sa’ad bin Sa’ied RH merupakan seorang perawi Hadis yang ada pertikaian padanya oleh sebahagian ulama Hadis. Oleh itu, di sini disebut secara terperinci siapa yang mempertikaikan Hadisnya dan siapa yang menerimanya:

Ulama Hadis yang menerimanya:

Thiqah (Hadisnya Shahih)	Ibnu Sa’ad, al-A’jli, Ibnu Ammar, Ibnu Syahin, Ibnu Hibban, Ibnu Khalfun, Siyar A’lam Nubala, Ibnul Mulqin
saduq/soleh/ tidak mengapa dengannya (Hadisnya Hasan).	Ibnu Maien, Ibnu Abu Hatim, Ibnu A’diy, Ad-Daruqutni, Az-Zahabi, kitab al-kasyif, Ibnu Hajar

Ulama Hadis yang menolaknya:

Dai’f	Yahya bin Mai’en, Ahmad bin Hanbal, U’qaili,
-------	--

	Annasaie, Attarmizi, Ibnul jauzi, Abu A'li Attusi, Ibnu Hibban, al-Qattan al-Fasi,
Dai'f jiddan	Ibnu Hazm.

Perbahasan dan Tarjih:

Berdasarkan kepada perhimpunan dan perbandingan kedua-dua pandangan di atas dapat disimpulkan bahawa:

- Ulama yang telah Tausiqkannya lebih ramai dan Hadisnya diterima. Khasnya apabila ada tawabi' (riwayat lain yang menguatkannya), seperti yang dilihat, ada perawi lain yang meriwayatkan Hadis ini juga.

- Ulama yang menyebutnya lemah seperti: Imam Ahmad dan Imam Annasaie kerana membandingkan dengan dua riwayat yang lain yang telah meriwayatkan hadis juga iaitu : Yahya dan Abdu Rabbuh. Bukanlah Dhaif secara mutlak, tetapi statusnya lebih rendah jika dibandingkan dari 2 saudaranya.

2. Jawapan terhadap: Hadis terberhenti kepada Abu Ayyub al-Ansari ra. Seperti yang dilihat dalam perbahasan di atas, Hadis ini tidak terberhenti kepada Abu Ayyub. Bahkan disebutkan berkata Rasulullah SAW, diriwayatkan oleh Abu Ayyub RA dan juga Tabien Omar bin Thabit al-Khazrajiy.

Jawapan Perbahasan terhadap Hadis ini dari sudut Matan:

1. Perumpaan puasa Ramadan dan 6 Syawal dengan puasa sepanjang hidup (mengikut salah satu pengertian bahasa Addahru الدهر iaitu sepanjang hidup), padahal puasa sepanjang hidup berterusan hukumnya Makruh.

- Hukum Makruh bagi yang berpuasa berterusan sepanjang hidup kerana kesan-kesan sampingan seperti lemah tubuh badan kerana terdapat Nasnas yang menunjukkan sedemikian. Bukan kerana hukum berpuasa sepanjang hidup itu Makruh secara dasarnya.

Puasa Enam Syawal, Perbahasan Hadis Dan Fekah²⁶

- Hadis ini diterangkan pula oleh hadis riwayat Sauban RA iaitu dengan lafaz سنة setahun.
- Perumpamaan sepanjang hidup di sini dari segi pahala, bukanlah perbuatan.
- Perkataan الدهر dalam bahasa Arab tidaklah terberhenti dengan maksud sepanjang hidup, tetapi boleh juga difahami dengan suatu tempoh waktu yang panjang, dengan ini Hadis Sauban RA telah syarahkan maksud Nabi di sini iaitu menyamai setahun.

2. Jawapan terhadap: Lafaz Hadis : “dan diikuti dengan puasa 6 Syawal” ini kerana puasa di awal Syawal adalah dilarang mengikut hadis-hadis yang lain.

- terdapat hadis yang melarang berpuasa pada hari raya, ini bererti hadis Abu Ayyub ini ditaqyidkan oleh hadis yang melarang berpuasa hari raya pertama. Bukanlah bererti hadis ini ada kecacatan dari sudut Matan seperti yang didakwa. Begitu juga Hadis Sauban yang akan datang menyebut 6 hari pada bulan Syawal dengan tidak menyatakan lafaz “diikuti”.

Kesimpulan: Hadis Sahih

Perincian 2: Hadis kedua:

حديث ثوبان مولى رسول الله صلى الله عليه وسلم، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: (من صام رمضان وستاً من شوال فقد صام السنة)، وفي رواية أخرى بلفظ: (من صام رمضان فشهراً بعشرة أشهر، وصيام ستة أيام بعد الفطر فذلك تمام صيام السنة).

27 Dr. Muhammad Musleh Azza'biy Dr. Muhammad Ikram bin Abu Hassan

Daripada Sauban Maula Rasulullah SAW bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda: Barangsiapa yang berpuasa Ramadan dan enam hari pada bulan Syawal maka dia telah berpuasa setahun. Dan dalam riwayat lain dengan lafaz : barangsiapa yang puasa Ramadan maka sebulan digandakan dengan sepuluh (300) dan puasa enam hari selepas hari raya Aidilfitri, itu puasa sempurna selama setahun (360).

Status dan susunan perawi adalah seperti berikut:

Nama	Tabaqah	Status
Sauban bin Haris RA	Tabaqah pertama: Sahabat	Thiqah
Abu Asma' Arrahbi	Tabaqah kedua: Tabien	Thiqah
Yahya bin Haris Azzimari	Tabaqah Tabie' Tabien	Thiqah

* Terdapat juga riwayat lain (riwayat kedua) daripada Yahya bin Haris melalui Abu al-Asy'as Assana'ni أبو الأشعث الصنعاني yang diriwayatkan juga daripada Abu Asma'. dan Abu al-Asya'as ini seorang yang Thiqah juga. Seperti dalam rajah berikut:

Nama	Tabaqah	Status
Sauban bin Haris RA	Tabaqah pertama: Sahabat	
Abu Asma' Arrahbi	Tabaqah kedua: Tabien	Thiqah
al-Asy'as Assana'ni	Tabaqah Tabien/Tabie Tabien	Thiqah
Yahya bin Haris Azzimari	Tabaqah Tabie' Tabien	Thiqah

Hadis ini diriwayatkan oleh pada Muhaddisin:

Riwayat pertama:

- Ibnu Hibban

- Attabrani
- Al-Baihaqi

Riwayat ini terdapat beberapa komentar dari segi Rijal Hadisnya di sisi Muhaddisin, tetapi riwayat ini saling kuat menguatkan, dan sampai ke darjat Hasan Lighairihi.

Riwayat kedua:

- Annasaie
- Imam Ahmad
- Addarimi
- Ibnu Khuzaimah

Riwayat ini Sahih dan tiada cacat dari segi Rijalnya.

Kesimpulan:

Riwayat pertama: Hasan lighairihi حسن لغيره

Riwayat kedua: Sahih

Perincian 3: Hadis ketiga:

حديث جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ: أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: (مَنْ صَامَ رَمَضَانَ وَسِتًّا مِنْ شَوَّالٍ فَكَأَنَّمَا صَامَ السَّنَةَ كُلَّهَا).

Daripada Jabir bin Abdullah al-Asnari RA: bahawasanya dia telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: barangsiapa yang berpuasa Ramadan dan enam hari pada bulan Syawal seolah-olahnya telah berpuasa setahun.

Status Hadis:

Hadis ini diriwayatkan oleh para Muhaddisin:

- Daripada banyak jalan antaranya Imam Ahmad bin Hanbal.
- Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Zar'ah bin Jabir al-Hadrami أبو زرعة بن

جابر الحضرمي, dan statusnya adalah Dai'f.

*Tetapi Hadis ini dikuatkan dengan Hadis yang lain seumpama Matan dengannya seperti Hadis Sauban RA di atas. Syeikh Syaib ArNaut (seorang Muhaddis kontemporari) menyebut Hadis ini dengan riwayat Imam Ahmad: Hasan Lighairihi.

Kesimpulan: Hadis Hasan Lighairihi

Perincian 4: Hadis keempat:

حديث أبي هريرة رضي الله عنه؛ أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: (من صام رمضان وأتبعه بست من شوال فكأنما صام الدهر كله"، وفي رواية أخرى: "من صام ستة أيام بعد الفطر متتابعة فكأنما صام السنة كلها).

Hadis diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda: Barangsiapa yang berpuasa Ramadan dan diikuti dengan enam hari Syawal maka seolahnya telah berpuasa setahun. Dan dalam riwayat yang lain, barangsiapa yang puasa enam hari selepas Aidilfitri berterusan seolahnya telah berpuasa setahun.

Status Hadis:

Kedua-dua riwayat hadis ini terdapat keDai'fan dalam perawinya.

Kesimpulannya: Hadis Dai'f

Perincian 5: Hadis kelima:

حديث ابن عباس وجابر رضي الله عنهم أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: (من صام رمضان وأتبعه ستا من شوال صام السنة كلها).

Hadis riwayat Ibnu Abbas dan Jabir RA bahawasanya Nabi SAW bersabda: Barangsiapa yang puasa Ramadan dan diikuti enam daripada Syawal, dia telah berpuasa setahun penuh.

Status Hadis:

Begitu juga Hadis ini terdapat keDai'fan pada perawinya.

Kesimpulannya: Dai'f

Perincian 6: Hadis keenam:

الحديث السادس: حديث ابن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: (من صام رمضان وأتبعه ستا من شوال خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه).

Hadis Ibnu Umar RA bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda: barangsiapa yang puasa Ramadan dan diikuti enam daripada Syawal maka

dia telah terbit seperti hari yang dilahirkan oleh ibunya (dihapus segala dosanya).

Status Hadis:

- Imam Tabrani meriwayatkan Hadis ini dan menyebut: Hadis ini hanya diriwayatkan oleh Abu Abdullah bin Himsi dan juga hadis yang diriwayatkan hanya satu jalan iaitu daripada Maslamah bin Ali.

- Hadis ini juga berbeza pada matannya dengan hadis-hadis yang lain.

Kesimpulan: Hadis ini Munkar kerana Maslamah bin Ali Hadisnya tidak terpakai.

Kesimpulan perbahasan pertama di dalam jadual berikut:

No	Matan Hadis	Perawi A'la	Status Hadis
1	(مَنْ صَامَ رَمَضَانَ ثُمَّ اتَّبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ)	Abu Ayyub al-Ansari RA	Sahih
2	- (من صام رمضان وستاً من شوال فقد صام السنة) - (من صام رمضان فشهراً بعشرة أشهر، وصيام ستة أيام بعد الفطر فذلك تمام صيام السنة)	Sauban bin Haris RA	• Riwayat pertama: Hasan Lighairihi - Riwayat kedua : Sahih
3	(مَنْ صَامَ رَمَضَانَ وَسِتًّا مِنْ شَوَّالٍ فَكَأَنَّمَا صَامَ السَّنَةَ كُلَّهَا)	Jabir bin Abdullah al-Ansari RA	Hasan Lighairihi

4	(من صام رمضان وأتبعه بست من شوال فكأنما صام الدهر كله"، وفي رواية أخرى: "من صام ستة أيام بعد الفطر متتابعة فكأنما صام السنة كلها)	Abu Hurairah RA	Dai'f
5	(من صام رمضان وأتبعه ستا من شوال صام السنة كلها)	Ibnu Abbas dan Jabir	Dai'f
6	(من صام رمضان وأتبعه ستا من شوال خرج من ذنوبه كيوم ولدته أمه)	Ibnu Umar RA	Dai'f

Kesimpulannya Hadis pertama dan kedua boleh digunakan untuk berhujah dengannya dalam menentukan hukum puasa 6 Syawal.

Perbahasan Kedua: Perbahasan Fekah:

Perincian pertama: Pandangan Ulama mazhab mengenai puasa 6

Syawal:

bi l	Hukum	Dipegang oleh	Catatan
1	Sunat	Jumhur Fukaha' daripada Mazhab Syafie, Mazhab Hanbali. Dan juga sebahagian Fukaha' daripada Mazhab Hanafi dan Maliki	
2	Makruh	Salah satu pandangan daripada Mazhab Hanafi dan juga Maliki.	
3	Makruh puasa berturutan iaitu hari raya pertama dan 5 hari selepasnya	Pandangan ini dipegang oleh: Mazhab Maliki, Abu Yusof, dan lain-lain daripada kalangan Ulama Mazhab Hanafi.	Makruh puasa secara berterusan, jika dilakukan

Puasa Enam Syawal, Perbahasan Hadis Dan Fekah 32

			secara se- lang seli maka tidak mengapa.
4	Makruh secara berterusan	Sebahagian Ulama Mazhab Maliki dan Hanafi.	Sunat puasa bermula hari kedua raya dan seterusnya sama ada berasingan ataupun berterusan.

Perincian kedua: Perbahasan Dalil:

Bil	Hukum	Dalil	Perbahasan dalil
1	Sunat	Hadis Abu Ayyub yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dan lain-lain.	Hadis Sahih
		Dikuatkan lagi dengan pandangan daripada: Ibnu Abbas, Taus, As-Sya'bi, Maimun bin Mahran, Ibnu Mubarak, As-Syafie, Ahmad bin Hanbal, Ishaq bin Rahawaih.	Pandangan Sahabat, Tabien dan juga Imam Mazhab.
2	Makruh	Yahya bin Yahya perawi kitab Muwatta' Malik menyebutkan kata-kata Imam Malik: (tidak pernah melihat walaupun seorang daripada ahli ilmu dan fekah puasa pada 6 Syawal dan juga tidak sampai kepadaku ianya salah satu daripada perbuatan salaf. Dan para ahli ilmu menyebutnya sebagai makruh. dan mereka takut akan bida'adnya amalan tersebut dengan mencamtumkan Ramadan dengan	- Kenyataan: "Ditakuti akan diwajibkan oleh orang yang jahil" bertenangan dengan adanya dalam Islam puasa-puasa Sunat yang lain seperti

		<p>puasa lain, daripada kalangan mereka yang jahil. Ini boleh berlaku jika mereka lihat ianya rukhsah yang telah diberikan oleh ahli ilmu (dengan membenarkan berpuasa) dan melihat ahli ilmu melakukan perkara tersebut).</p>	<p>Sunat Hari arafah dan lain-lain. Jika ditakuti diwajibkan puasa 6 Syawal begitu juga ditakuti diwajibkan puasa sunat yang lain. Maka kenyataan ini tertolak sendirinya dengan mereka tidak menolak adanya puasa-puasa sunat lain dalam Islam.</p> <p>- Kenyataan “tidak pernah melihat ahli ilmu mengamalkannya” kemungkinan Imam Malik tidak mengetahui perbuatan tersebut dilaksanakan oleh mereka. Dan tidak mengetahui tidak semestinya bererti tidak berlaku. Dan Hadis ini telah sabit kesahihannya maka perlu berpegang dengannya ber-</p>
--	--	--	--

			<p>banding pengkajian seseorang.</p> <p>- Ibnu Abdul Bar memberi keuzuran kepada Imam Malik dengan menyatakan: Imam Malik tidak sampai kepadanya Hadis Abu Ayyub. Dan Imam Malik sangat berhati-hati dalam perkara bida'ah seperti dalam hal ini yang membolehkan orang salah faham dan menggaanggapnya sebagai wajib seperti Ramadan.</p> <p>- Imam Qurtubi menaqalkan daripada Mitraf bahawasanya Imam Malik puasa 6 bagi dirinya.</p> <p>Walaupun bagaimanapun pandangan Imam Malik,</p>
--	--	--	---

			Puasa 6 Syawal ini telah sabit dengan hadis yang Sahih, maka berpegang dengan Hadis yang Sahih lebih didahulukan daripada pandangan dan ijtihad individu tertentu walaupun siapa sahaja dia.
3	Makruh secara berterusan	Ditakuti akan dianggap daripada hari-hari Ramadan maka sama seperti amalan orang Kristian yang berpuasa berterusan	Jika mereka menyatakan Makruh adalah kerana berterusan puasa mula hari pertama lalu menyerupai Yahudi dan Nasrani maka pandangan yang baik dan diterima. Lalu berpuasa pada hari kedua dan seterusnya ada sunat.
4	Makruh puasa hari raya dan juga 5 hari selepasnya	Hadis yang melarang puasa hari raya pertama. Dan apabila puasa berterusan ditakuti adanya unsur persamaan dengan amalan Yahudi dan Nasrani.	

Kesimpulan perbahasan:

Pandangan pertama yang dikuatkan dengan dalil Hadis Sahih adalah pandangan yang paling Rajih dalam hukum puasa 6 Syawal. Maka, hukum puasa 6 adalah Sunat. Dan Sunat dilakukan pada hari kedua da-

Puasa Enam Syawal, Perbahasan Hadis Dan Fekah 36

ripada bulan Syawal hinggalah ke hujung bulan Syawal sama ada berterusan ataupun tidak.